

Media : Harian Metro  
Date : 19 January 2024

## AJINOMOTO (M) BERHAD

melancarkan  
laman web Semua-  
Dalam-Satu Smart  
Cooking

AJINOMOTO (M) Berhad (AMB) telah melancarkan laman web Smart Cooking iaitu platform memasak Semua-Dalam-Satu yang mewujudkan pengguna bagi keperluan individu berpengalaman atau sebaliknya dalam dunia kulineri. Platform ini memudahkan proses masakan dan menawarkan pengalaman yang menarik dalam dunia masakan.

Laman Web Smart Cooking ini merupakan platform komprehensif yang menyediakan lebih 100 resipi sihat, lazat serta kreatif untuk pelbagai

jenis hidangan. Laman web ini juga tersedia dalam tiga Bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Mandarin.

Anda boleh memilih dan menyesuaikan hidangan anda dengan mudah berdasarkan bahan-bahan pilihan anda, kaedah, tahap penguasaan tempoh memasak, dan saiz hidangan. Sistem pintar ini secara automatik akan mengira bahan-bahan yang diperlukan secara tepat untuk saiz hidangan anda.

Ia amat mudah dan memberikan anda inspirasi untuk menyediakan makanan yang seimbang untuk seisi keluarga anda dan pada masa sama mengurangkan pembaziran makanan. Dalam dunia di mana kemampuan dan penggunaan sumber yang cekap semakin penting, meminimumkan sis-

makanan telah menjadi keutamaan utama bagi kebanyakan isi rumah.

Selain itu, dengan menjadi ahli, anda boleh menikmati pelbagai keistimewaan, termasuk mengumpulkan mata dengan setiap interaksi di laman web dan menukaranya dengan hadiah eksklusif.

Selain itu, anda kini boleh membeli produk Ajinomoto secara terus dari laman web dan kami akan menghantarnya ke rumah anda.

Dengan inovatif ini, AMB ingin merevolusikan perjalanan kulineri anda dengan menyediakan produk yang ringkas dan mudah di manfaatkan hidangan akan menjadi kenangan abadi bersama keluarga secara tidak langsung membantu anda memahami moto kami iaitu "Eat Well, Live Well."

